

1103/1
BAHASA MELAYU
KERTAS 1
2 JAM
JULAI 2026

NAMA :

KELAS :



**MODUL PINTAS PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
TAHUN 2026**

**BAHASA MELAYU
Kertas 1
Dua jam**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi dan jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

BAHAGIAN A
[30 Markah]
Soalan ini mesti dijawab.

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan pencemaran plastik. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang pencemaran plastik di Malaysia.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Hasil perangkaan global mendapati bahawa lima trilion beg plastik digunakan setiap tahun dan 13 juta tan daripadanya dibuang ke laut. Manakala, dianggarkan sejuta botol plastik dibeli setiap minit dan 100,000 hidupan laut terbunuh disebabkan plastik pada setiap tahun. Di Malaysia, dianggarkan secara purata sebanyak sembilan bilion plastik digunakan oleh rakyat Malaysia pada setiap tahun dan sebahagian besarnya juga berakhir di lautan.

Sumber : Internet



BAHAGIAN B
(70 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Kadar membaca dalam kalangan masyarakat masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Hal ini berkait rapat dengan isu budaya membaca yang semakin merosot. Meskipun ramai yang mengetahui akan faedah membaca namun mereka masih membaca hanya untuk tujuan peperiksaan dan bukan sebagai hobi atau amalan harian.

Sumber : Internet

Huraikan manfaat-manfaat yang diperoleh murid apabila menjadikan amalan membaca sebagai hobi dalam kehidupan seharian.

2

Jabatan Warisan Negara secara rasmi telahewartakan 117 jenis makanan Malaysia sebagai *Warisan Kebangsaan* di bawah Deklarasi Objek Warisan 2025. Makanan warisan seperti ketupat, ambuyat, tose dan kuih bulan menjadi identiti bangsa masyarakat majmuk di Malaysia. Namun begitu, sebahagian masyarakat semakin melupakan makanan warisan yang merupakan simbol masyarakat negara.

Sumber : Internet

Sebagai respons kepada petikan di atas, huraikan usaha-usaha untuk mempopularkan makanan warisan.

3

Tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh gajet terhadap gaya hidup remaja masa kini telah membawa anjakan paradigma yang cukup besar. Ketika tinjauan Buletin Mutiara pada 18 April lalu, rata-rata responden berkata ramai remaja sering menghabiskan masa berjam-jam dengan menatap skrin gajet. Penggunaan gajet seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba berlaku peningkatan secara mendadak. Kekerapan menatap skrin tanpa kawalan ini mula menimbulkan masalah kesihatan.

Sumber : Buletin Mutiara

Huraikan kesan yang dinyatakan dalam petikan berserta kesan-kesan lain ketagihan gajet dalam kalangan remaja.

4

SHAH ALAM – Gejala rasuah yang semakin membarah dalam kalangan masyarakat kini dianggap sebagai ancaman serius terhadap kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kes rasuah masih dilaporkan berlaku dalam sektor awam dan swasta. Gejala rasuah sering dikaitkan dengan sikap tamak, tekanan kos sara hidup serta kelemahan penguatkuasaan undang-undang di Malaysia.

Sumber : Berita Harian online

Berdasarkan petikan di atas, huraikan faktor-faktor gejala rasuah berleluasa dalam kalangan masyarakat.

KERTAS SOALAN TAMAT